

11/09/2003

BusinessWeek ugut PM

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Sebuah majalah asing mengugut menyiarkan rencana memburuk-burukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri enggan memberi temu bual dengan wartawannya.

BusinessWeek dalam surat dua muka yang kasar dan biadab bahasanya kepada Perdana Menteri bertarikh 8 September mahu Dr Mahathir memberikan temu bual dalam tempoh dua hari sebelum menerbitkan rencana mengenai rasuah, kronisme, dan perbelanjaan besar-besaran negara yang dikatakan membazir.

Ketika mendedahkan perkara itu pada sidang media di sini petang semalam, Dr Mahathir berkata, beliau menolak permintaan untuk ditemu bual majalah itu kerana kali terakhir wartawan BusinessWeek berbuat demikian, ia menulis pelbagai pembbohongan.

"Sekarang mereka menghantar surat mengugut saya jika saya tidak berjumpa dengan mereka, mereka akan menulis pelbagai pembbohongan dan buruk mengenai kronisme, penindasan, diktator dan semua itu.

"Untuk anda (wartawan), ini adalah media Barat. Mereka mengancam... mereka mengugut dan bila anda menolak kemahuan mereka, mereka akan menulis perkara buruk," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mendengar taklimat dan melawat hampir sejam di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Dr Mahathir berkata, dalam temu bual yang pernah diadakan sebelum ini, majalah sama menulis pelbagai pembbohongan bagi memburukkan beliau dan negara.

"Jika anda baik dengan mereka seperti saya sebelum ini, mereka masih menulis perkara buruk. Ini adalah kebebasan akhbar untuk berbohong dan memburukkan negara dan reputasi pemimpin," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri ditanya mengenai kesan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) berikutan laporan seorang rakyat Singapura dikatakan menjadi penghidap pertama penyakit itu dalam tempoh lima bulan di republik berkenaan.

Berikutan laporan berkenaan, media asing memperbesar-besarkan kes itu seperti rantau ini secara keseluruhan dilanda wabak berkenaan seperti beberapa bulan lalu sehingga lebih 900 mati.

Perdana Menteri juga menjelaskan tiada kes SARS mengikut standard yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"SARS mesti ada jangkitan radang paru-paru, tetapi tiada bukti radang paru-paru selepas tiga x-ray yang diambil... jadi ia bukan SARS.

"Tetapi seperti biasa media Barat bersuka ria sehingga pasaran saham kita jatuh. Saya agak yakin orang luar akan membatalkan lawatan mereka ke rantau ini dan sektor pelancongan negara ini juga akan terjejas.

"Semua ini kerana satu kes yang kita tidak tahu puncanya. Tetapi, ia bukan SARS mengikut WHO. Saya ingin menyatakan kelakuan media barat adalah memualkan," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika diminta mengulas mengenai ugutan majalah itu berkata, majalah itu tidak berhak menulis surat seperti itu kepada Perdana Menteri Malaysia dan rakyat negara ini harus marah kerana orang luar mengugut Dr Mahathir.

"Mereka tidak menghormati kebebasan dan mereka mahu mentafsir demokrasi kepada standard dan norma mereka. Ini adalah salah," katanya.

Ditanya tindakan kerajaan berikutan surat itu, beliau berkata, Wisma Putra akan memikirkan langkah sebaiknya.